

## **SEGERA DENGAN FAKS**

Ruj. Kami : JPN.PT:163/2/3/1Klt.31 (31)  
Tarikh : 20 Mei 2014

**Ketua Pengarang  
Harian Metro**

Tuan,

### **MAKLUMBALAS ADUAN AKHBAR HARIAN METRO BERTAJUK "GADIS 10A TIADA MYKAD" BERTARIKH 19 MEI 2014, ISNIN – M.S: 8 (SETEMPAT)**

Dengan segala hormatnya, saya diarah merujuk kepada aduan mengenai perkara di atas.

2. Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) ingin menjelaskan isu yang diutarakan oleh Puan Ropiah Wae Dollah berkenaan anaknya Suhaibah binti Ibrahim yang tidak memiliki dokumen pengenalan diri.
3. Hasil semakan jabatan ini mendapati Cik Suhaibah binti Ibrahim dilahirkan di Thailand dan memiliki sijil kelahiran Thailand. Sewaktu kelahiran berlaku ibu beliau berstatus warganegara Thailand, manakala bapanya berstatus warganegara Malaysia dan memiliki sijil perkahwinan Thailand.
4. Semakan jabatan ini juga mendapati bahawa Cik Suhaibah binti Ibrahim telah mengemukakan permohonan Pengesahan Taraf Kewarganegaraan Malaysia pada 19/02/2012 di JPN Tumpat, Kelantan. Walaubagaimanapun permohonan tersebut tidak berjaya kerana tidak memenuhi kriteria permohonan kewarganegaraan melalui kuatkuasa undang-undang bagi orang yang lahir pada atau selepas Hari Malaysia di bawah Perkara 14(1)(b) Seksyen 1(b) Bahagian II Perlembagaan Persekutuan yang mana hanya terpakai ke atas beliau sekiranya bapanya iaitu Encik Ibrahim bin Mohd Zin lahir di dalam persekutuan. Bapa beliau lahir di luar persekutuan iaitu di Thailand.

5. Sehubungan dengan itu, pihak JPN mengesyorkan agar Puan Ropiah Wae Dollah memohon semula permohonan kewarganegaraan Malaysia di bawah Perkara 15(2) Perlembagaan Persekutuan untuk Suhaibah binti Ibrahim sebelum mencapai umur 21 tahun di mana-mana pejabat JPN yang berhampiran.

Sekian, terima kasih.

## **"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah.

### **Pejabat Perhubungan Awam,**

b.p Ketua Pengarah,  
Jabatan Pendaftaran Negara,  
Malaysia.

☎ : 03-88807077

☎ : 03-88808288

✉ : [pro@jpn.gov.my](mailto:pro@jpn.gov.my)

s.k.:

1. YBhg. Dato' KPPN
2. YBhg. Datin Seri TKPPN (P)
3. YBrs. Tuan TKPPN (O)
4. YBrs. Tuan TKPPN (ICT)